

## CATATAN

# Azam bebas meminta-minta



**SUDAH SEDIA:** Cik Junaidah (bertudung) berserta keluarganya termasuk (dari kiri) anak keduanya, Nur Amirah; suaminya, Encik Ahmad Azeri; anak sulungnya, Cik Nur Atikah; dan anak bongsunya, Nur Aleeya; kali ini menyambut raya dengan lebih meriah memandangkan mereka tidak lagi bergantung pada sebarang jenis bantuan sosial. - Foto TUKIMAN WARJI

11 Aug 2014

Mohd Raman Daud

BARU-BARU ini menjelang Aidilfitri, akhbar ini memaparkan kisah penerima bantuan Tabung Amal Aidilfitri (TAA) yang telah 'lulus'.

Lulus kerana beliau, seorang ibu, enggan bergantung lagi pada ihsan semata, tetapi akan berusaha untuk membangun keluarganya dengan ilmu dan bakatnya.

Kisahnyanya mengharukan.

Berapa lagi yang ramai di sana boleh bersikap seperti beliau?

Setakat ini, jarang dipaparkan jumlah sebenar golongan melarat dalam masyarakat Islam di Singapura. Jika ada perangkaannya yang tepat, ia memanglah baik.

## **IMEJ MELARAT**

Antara lain, golongan melarat ini memaparkan suatu yang tidak kena dalam masyarakat kita.

Padahal, hampir setengah abad watan ini merdeka dan antara negara termakmur di dunia dengan jumlah hartawan tertinggi berbanding dengan penduduknya.

Setidak-tidaknya bagi saya, pada saban tengah hari Jumaat, saya sering menemui kaum wanita bersama anak dan mungkin cucu mengemis di sela-sela kenderaan termasuk kereta mewah berjenama Mercedes dan Audi .

Menurut sesetengah jemaah, mereka mungkin ditugaskan oleh 'sindiket'. Benar atau tidak?

Hal ini boleh dikaji oleh lembaga pentadbir masjid yang berhampiran atau menelefon kepada pihak berkuasa untuk menyiasat. Sebabnya jelas: hal ini tidak boleh dibiarkan berlarutan. Ini disebabkan terdapat kanak-kanak yang ternyata tidak bersekolah tetapi mengemis.

## **PEMERKASAAN**

Kejayaan TAA dalam memungut derma, menabung dan mengagihkannya kepada golongan susah merupakan suatu kisah jaya.

Namun selain TAA, terdapat badan Islam lain yang turut berbuat hal serupa seperti Angkatan Karyawan Islam (AMP) dan Persatuan Pemuda Islam Singapura.

Badan-badan ini melaksanakan apa yang disebut sebagai 'pemeriksaan' (empowerment)

Istilah ini agak baharu juga kerana saya masih ingat aktivis yang sering menyuarakannya ialah Encik Ramli Puteh yang antara pengasas Persatuan 'Ain.

Beliau menelefon ke pejabat ini untuk bertanyakan apa istilah Melayu sebagai terjemahan yang sesuai. Akhbar ini berbincang dengan beliau yang akur dengan istilah itu. Lama-kelamaan ia kian berakar dalam masyarakat kita. Alhamdulillah.

## **JAYA DIRI**

Dalam program latihan jaya diri atau bina semangat, 'pemeriksaan' merupakan usaha yang sangat penting.

Ia bermakna seseorang itu tidak lagi berasa terus lemah dan mendamba ihsan atau bantuan orang lain.

Sebaliknya, setiap keihlanan yang dicurahkan kepadanya hanya memperkasanya untuk berdikari. Berdikari pula merupakan ciri insan yang merdeka.

Mungkin wajar kita kembali kepada sirah Islam untuk menilai erti pemeriksaan dan dikari.

Dalam sebuah hadis terkenal, Rasulullah saw didatangi seorang miskin yang meminta sangat bantuannya untuk menyara isteri dan anaknya.

Rasulullah bertanya, apakah modal yang ada pada dirinya.

Katanya, hanya dua dirham.

Rasulullah menyarakannya agar menggunakan sedirham untuk membeli makanan bagi keluarganya dan sedirham digunakan untuk membeli kapak bagi memotong kayu untuk dijual di pasar.

## **RUMUS ISLAM**

Baginda mendoakannya agar Allah swt memberkati usahanya. Sesungguhnya doa baginda diterima Ilahi dan orang susah tadi merdeka daripada kesusahannya dan menjadi Muslim yang baik.

Inilah contoh pemeraksanaan yang klasik dari segi berikut:

pertama-tama, kaji siapakah orang susah tadi dan apakah 'modal' pada dirinya;

kedua, berikan jalan keluar atau huraian akan masalahnya;

ketiga, tanamkan atau bina semangatnya agar berdikari dengan apa jua yang ada pada dirinya selagi bukan seorang tua renta, berpenyakit atau cacat, dan

keempat, jadikan dirinya seorang insan yang berakhlak dan berilmu.

Ketika melungsuri laman sawang AMP, saya terbaca mengenai usaha-usaha pemeraksaannya dalam pelbagai aspek daripada membina semangat belia sehingga menawarkan bantuan pinjaman kecil campur latihan buat usahawan wanita.

Banyak kisah mengharukan daripada laman sawang AMP yang berguna untuk golongan melarat kita agar dapat bangkit.

Kemelaratan merupakan sebahagian daripada kesan lingkaran musibah atau vicious cycle. Ia berlaku dalam mana-mana masyarakat.

## **PERUBAHAN**

Ini memanglah kudrat Ilahi yang dinyatakan dalam Surah Ar-Rad ayat ke-13 yang maksudnya bahawa sesebuah kaum tidak akan berubah nasibnya kecuali ia gigih menanganinya sendiri.

Ertinya, terdapat 'meritokrasi' dalam pemberian rezeki daripada Ilahi. Kita kenalah berusaha dengan berubah sikap - memperelok peri laku dan menambah ilmu.

Pendeta Za'ba (Zainal 'Abidin Ahmad, 1895-1973) pernah menulis dalam sebuah buku kecil bahawa perangai seseorang ditentukan oleh dirinya sendiri. Profesor Diraja Malaysia, Dr Ungku Aziz Ungku Abdul Hamid (kini 92 tahun), menyifatkan tulisan Za'ba itu cukup baik untuk mengungkapkan cara meningkatkan kemajuan golongan miskin di Malaysia.

Syabas TAA dan badan-badan Islam kerana gigih memperkasa golongan melarat. Usah biarkan diri kita pula pilu dan terus menderma sahaja kepada para peminta sedekah yang entah jujur atau tidak.

Bantulah dengan merubah diri mereka agar berdikari sebagai insan merdeka.